



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 8 malam, 8 Disember 2025.

Untuk Terbitan Media
8 Disember 2025

SIARAN MEDIA

LIPUTAN KESELAMATAN SOSIAL PENGGIAT SENI TERUS DIGANDAKAN

KUALA LUMPUR: Perluasan perlindungan keselamatan sosial untuk sektor seni yang ketika ini liputannya sekitar satu peratus, diyakini berupaya ditingkatkan menerusi pendekatan caruman padanan.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata kerajaan memperuntukkan subsidi 70 peratus dalam Belanjawan 2026 untuk menampung caruman LINDUNG Kendiri bagi sektor yang belum mandatori, termasuk seni.

Justeru, libat urus, program kesedaran dan promosi bersama pemegang taruh serta penggiat industri akan terus ditingkatkan supaya lebih ramai individu bekerja sendiri dalam sektor seni mendapat manfaat perlindungan keselamatan sosial.

“Mengikut perangkaan sehingga November lalu, seramai 860,016 individu bekerja sendiri mencarum dengan PERKESO melalui skim LINDUNG Kendiri yang merangkumi sektor seperti pengangkutan barangan dan makanan, perkhidmatan penumpang, penjaja dan lain- lain.

“Bagaimanapun, pencarum daripada sektor seni masih rendah, dengan hanya 9,660 orang atau mewakili 1.12 peratus daripada keseluruhan individu bekerja sendiri yang dilindungi PERKESO.

“Oleh itu, kita akan gandakan usaha dan uar-uarkan mengenai peruntukan caruman padanan, khususnya dalam kalangan penggiat seni kerana mereka juga terdedah kepada pelbagai risiko pekerjaan luar jangka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Program Muzikalisasi LINDUNG: Hati Nan Prihatin, anjuran bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia (PROFIMA) serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KESUMA, Encik Sutekno Ahmad Belon; Sasterawan Negara, Dato’ Dr. Anwar Ridhwan, Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka; Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato’ Sri Subahan Kamal; Presiden PROFIMA, Khalil Hj Saleh serta Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Dr. Mohamad Saleeh.

Program seni persembahan ini dianjurkan sebagai wadah kreatif untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran masyarakat mengenai perlindungan keselamatan sosial melalui caruman LINDUNG Kendiri.

Antara elemen seni persembahan yang diketengahkan pada program julung kali diadakan ini ialah bacaan puisi, sketsa, syair dan monolog.

Mengulas lanjut, Steven berkata perlindungan bagi individu bekerja sendiri di sektor seni amat penting memandangkan mereka mengendalikan kerja teknikal dan produksi yang berisiko tinggi.

Sehubungan itu, katanya, perlindungan keselamatan sosial PERKESO adalah jaminan kelangsungan kebajikan mereka dalam jangka panjang.

“Berdasarkan statistik, PERKESO menyalurkan manfaat kepada 6,815 penerima dalam kalangan pencarum LINDUNG Kendiri, dengan jumlah bayaran keseluruhan mencecah RM25.9 juta untuk tempoh dari Januari hingga Oktober 2025,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
8 Disember 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi
Iklil Fatihah Kamal Redzuan
+6019-3273193
fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud
+6019-3265772
ridauddin.daud@perkeso.gov.my

